



SIARAN MEDIA

LPPKN BERSAMA UNFPA PERGIAT ADVOKASI 'MERANCANG KELUARGA SEJAHTERA'

KUALA TERENGGANU, 26 SEPT. – Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) terus mempergiat advokasi dan promosi perancang keluarga bagi meningkatkan kesedaran dan pengetahuan rakyat Malaysia terhadap kaedah serta keperluan perancang keluarga melalui pelaksanaan Kempen Bulan Perancang Keluarga 2024 dengan tema **“Merancang Keluarga Sejahtera”** sepanjang bulan September ini.

“Perancangan keluarga yang baik bukan sahaja membantu dalam memastikan kestabilan ekonomi dan kesihatan anggota keluarga, tetapi juga mewujudkan suasana yang harmoni dan seimbang dalam rumah tangga,” demikian menurut Dato Sri Rohani Abdul Karim, Pengerusi LPPKN dalam ucapan perasmian penutupan Forum Advokasi Perancang Keluarga 2024 bertajuk “Kontraseptif Dalam Abad ke-21: Cabaran dan Peluang” anjuran bersama *United Nation Population Fund* (UNFPA) di Hotel Raia, Kuala Terengganu.

Berdasarkan data *National Health & Morbidity Survey 2022: Maternal and Child Health* (NHMS, 2022) mendapati jumlah keperluan perancang keluarga yang tidak dipenuhi (*unmet need*) di Malaysia masih tinggi dianggarkan sekitar 26.7% iaitu lebih dari 1 dalam 5 wanita yang tidak mahu hamil tetapi tidak menggunakan sebarang kaedah kontraseptif moden untuk merancang.

Justeru, Dato Sri Rohani menegaskan “Konsep merancang keluarga bukan untuk menyekat kelahiran bayi atau pertambahan keluarga, namun ia adalah satu langkah proaktif dalam mengelakkan kehamilan dalam keadaan tidak bersedia, menjarakkan kehamilan untuk mengelakkan kelahiran yang terlalu rapat yang tidak sihat dan mengelakkan kehamilan berisiko tinggi bagi wanita yang mempunyai masalah kesihatan, serta hamil di usia terlalu muda atau terlalu lewat.”

Bagi mencapai matlamat ini, LPPKN telah melaksanakan program serta aktiviti sepanjang bulan September ini antaranya, taklimat dan ceramah perancang keluarga, pemberian kontraseptif percuma kepada kumpulan sasaran dalam kalangan B40 dan yang berisiko tinggi melalui 50 Klinik Nur Sejahtera LPPKN di seluruh negara.

Untuk makluman, Forum Advokasi Perancang Keluarga 2024 membariskan tiga (3) ahli panel iaitu Dr. Malini Binti Mat Napes, Pakar Perubatan Reproduktif dan Pensyarah Perubatan, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Prof. Madya Dr. Siti Khatijah Binti Ismail, Pensyarah Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Puan Nur Syahirah Binti Sopri, Pengerusi Kelab Beliawanis, Cawangan Besut, Terengganu dan Tuan Muhammad Fadhiil Jamil selaku moderator. Seramai 180 peserta hadir secara fizikal dan forum ini turut disiarkan secara dalam talian di media sosial rasmi LPPKN.

Turut hadir pada majlis ini, Dr. Mohd Azizuddin Mohd Yussof, Timbalan Ketua Pengarah (Dasar) mewakili Ketua Pengarah LPPKN dan Tengku Aira Tengku Razif, Timbalan Perwakilan UNFPA Malaysia.

###

Disediakan oleh:
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
LEMBAGA PENDUDUK DAN PEMBANGUNAN KELUARGA NEGARA
03-26137555 EXT. 3310